



Aminul Izmeer pada sidang media berkait rampasan 3.17 kilogram bunga ganja di Menara Jabatan Kastam di Johor Bahru, semalam.

(Foto Najmi Nor'azam/BH)

JKDM rampas bungkusuan bunga ganja di pusat kurier

Johor Bahru: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Johor mengesan dua kes sindiket menggunakan perkhidmatan kurier bagi menyeludup bunga ganja selepas berjaya merampas 3.17 kilogram (kg) bunga ganja dianggarkan bernilai lebih RM1.29 juta yang ditemui dalam bungkusuan di pusat kurier.

Pengarah Kastam Johor, Aminul Izmeer Mohd Sohaimi, berkata dalam dua kes itu, lelaki warga Filipina berusia 23 tahun dan lelaki tempatan berusia 21 tahun ditahan.

"Dalam kes pertama, pada 19 November lalu, kira-kira jam 5.10 petang, Cawangan Narkotik Bahagian Penguatkuasaan berjaya mematahkan aktiviti pengedaran dadah melalui pusat mel dan kurier di daerah ini.

"Pasukan mendapat maklumat mengenai satu bungkusuan mencurigakan yang diisytiharkan sebagai tuala dan pemeriksaan dijalankan ke atas bungkusuan itu menjumpai lima bungkusuan kecil plastik lut sinar mengandungi tumbuhan disyaki dadah jenis bunga ganja seberat 135 gram dengan nilai dianggarkan RM14,112.

"Kita kemudian membuat siasatan lanjut bagi menjejak penerima

bungkusuan yang beralamat di apartmen di Johor Bahru dan hasil penjejakan, lelaki warga asing yang juga pekerja kilang itu dan dipercayai penerima bungkusuan terbabit ditahan," katanya pada media di Menara Kastam, di sini semalam.

Aminul Izmeer berkata, dalam kes kedua pada 26 November lalu, bertindak atas maklumat Cawangan Narkotik, pihaknya berjaya menggagalkan sindiket penyeludupan keluar dadah melalui perkhidmatan pusat kurier di Senai, dekat Kulai.

"Pemeriksaan rapi terhadap dua kotak *parcel* menjumpai 24 bungkusuan diisytiharkan sebagai langsir dan disyaki mengandungi dadah jenis ganja yang mana kotak berkenaan dialamatkan untuk penghantaran ke United Kingdom (UK).

"Dadah berkenaan dianggarkan seberat 13.043kg dengan nilai keseluruhan lebih RM1.278 juta dan seorang lelaki yang bekerja bidang logistik ditahan," katanya.

Aminul Izmeer berkata, dua kes terbaru itu menjadikan 23 kes membabitkan narkotik dicatatkan JKDM Johor tahun ini sehingga 30 November lalu dengan nilai rampasan lebih RM4.654 juta.